

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan yang diambil untuk meningkatkan keselamatan di Sabah berikutan kes-kes pencerobohan dan penculikan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensi penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

- i) Penambahan 3 batalion Pasukan Gerak Am (PGA) dan 3 batalion ATM;
- ii) Penambahan dan penggantian aset maritime kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
- iii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
- iv) Respon team/komuniti *policing* mengikut sektor diantara PDRM, ATM dan APMM;
- v) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- vi) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;

- vii) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- viii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- ix) Pengwujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- x) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- xi) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- xii) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xiii) Melaksanakan pendaftaran awal "*Pump Boat*" bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;

- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.